



SIARAN MEDIA (UNTUK SIARAN SEGERA)

MENGUTUK PENAHANAN DUA DELEGASI PERSIDANGAN MEJA BULAT MYAQSA OLEH TENTERA ZIONIS ISRAEL

1. Kerajaan Zionis Israel sekali lagi menunjukkan sikap biadap dan tidak bertamadun mereka apabila menahan dua tokoh utama Al-Quds dan Masjidil Aqsa semalam. Sheikh Dr Kamal Khateeb adalah Timbalan Pengerusi Gerakan Islam Baitulmaqdis dan Sheikh Dr Najeh Daod Ahmad Bkirat adalah Pengarah Harta Wakaf dan Akademi Warisan Masjidil Aqsa. Kedua-dua mereka telah mengesahkan kehadiran mereka sebagai peserta kepada Persidangan Meja Bulat MyAQSA yang akan bermula pada hari Jumaat (26 Januari) ini di Putrajaya.
2. Dilaporkan bahawa tentera zionis Israel telah menyiasat dan mengeledah rumah mereka selama lebih dua jam di Baitulmaqdis semalam. Seterusnya mereka telah dikenakan tahanan rumah selama sebulan. Secara khusus mereka telah dilarang untuk hadir ke Persidangan Mejabulat MyAQSA kerana bagi Zionis Israel program tersebut adalah satu bentuk ancaman kepada mereka.
3. Sebagai penganjur kepada Persidangan Meja Bulat MyAQSA sempena Festival MyAQSA yang akan berlangsung di Putrajaya pada 26-28 Januari 2018 ini, kami mengutuk keras dan mengecam kebiadaban dan kezaliman berterusan yang ditunjukkan oleh tentera Zionis Israel ini. Tindakan menghalang delegasi persidangan mejabulat MyAQSA untuk hadir adalah bertentangan dengan hak asasi manusia. Seluruh dunia wajar mengutuk dan mengecam tindakan biadap yang tidak bertamadun ini.

4. Maka dengan ini kami menyeru kepada seluruh rakyat Malaysia untuk bangkit menzahirkan bantahan mereka terhadap kezaliman berterusan tentera Zionis Israel ini.
5. Marilah sama-sama menunjukkan solidariti kita kepada perjuangan pembebasan Baitulmaqdis dengan hadir beramai-ramai ke Himpunan Munajat Aqsaku yang akan berlangsung pada hari Sabtu 27hb Januari di Dataran Putrajaya, Putrajaya.

DR. HJ. NOORAZMAN BIN MOHD SAMSUDDIN
Ketua Pegawai Eksekutif
Yayasan MyAQSA
24 Januari 2018